

# Kejayaan penuh walau krisis

MESKIPUN mengharungi berbagai bentuk ranjau perpolitikan dan isu-isu yang menimbulkan krisis panas, tetapi seperti yang dijangkakan, BN khususnya Umno di Pahang tetap berjaya mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya yang baru lalu.

Dalam keadaan politik yang begitu tegang pun Umno tetap teguh, sesuai dengan apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam: "Krisis yang dikatakan berlaku dalam parti itu sebenarnya satu proses yang dihadapi oleh sebuah parti yang kuat seperti Umno."

Di Pahang sendiri, dalam keadaan 'hingar-bingar' itu, Umno dengan tidak banyak kerumitan berjaya buat kali ketiga menyapu bersih semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri ini.

Itulah keistimewaan Umno khususnya dan kelebihan BN amnya. Betapa pun gelombang arus politik, biar bagaimanapun sengit pertikaian lida,

tetapi bila tiba saat-saat genting; bila sampai detik-detik ia memerlukan persediaan tenaga, persahabatan datang dengan sendiri.

Mereka bertukar menjadi ibarat sepasukan askar yang bertena, mampu bersepat dan berentap berpuas bersama-lawan satu demi satu.

## Samar-samar

Nah! Ganjarannya jelas kelihatan. Umno menang lagi dengan mempertahankan setiap dari enam kerusi Parlimen dan 24 kerusi Dewan Undangan Negeri di Pahang kali ini.

Sebelum hari penamaan calon pada April 7 lalu, keadaan di Pahang terus menjadi ke-lam-kabut, terus bergelombang seolah-olah api yang tidak dapat dipadam. Suasana politik begitu cemas di Jerantut, begitu mencabar di Lipis dan begitu berkecok di Temerloh.

Tetapi di saat-saat akhir, ia bertukar rupa. Mendung petang yang bagaikan membawa hujan lebat telah berubah menjadi cerah, secerah panahan mentari di waktu siang.

## Oleh FARUSH KHAN

Perasaan kurang senang terhadap pemilihan calon-calon di beberapa tempat turut menjadi hangat beberapa hari selepas hari penamaan calon. Tetapi disebabkan matang dan istimewanya parti dan ahli-ahli Umno, perkara-perkara negatif seperti itu tertanam di perut sahaja. Tidak bocor di luar.

Bahkan ada tempat-tempat di mana kemenangan calon-calon BN masih samar-samar. Tetapi selepas keputusan diumumkan, ramal penyokong-penyokong parti sendiri 'terperanjat' melihat kelebihan undi yang diperolehi oleh calon mereka. Sesungguhnya, keutuhan parti persapa-dua ahli-ahlinya begitu menakutkan.

## Perkiraan

Setiap ahli dan penyokong Umno dan BN nampaknya faham tanggungjawab masing-masing dan sedar, biar dalam apa sahaja keadaan, yang paling penting, Kerajaan BN perlu diselamatkan dahulu. Yang lain boleh diperdebatkan nanti...

Tentunya, keputusan pilihanraya kali ini juga memenangkan kepada parti-parti lawan; menunggang tebalikan perkiraan mereka.

PAS, umpamanya, dalam senyap-senyap bercita-cita dan berharap isu-isu yang berlaku dalam Umno khususnya dan dalam BN di Pahang umumnya mungkin boleh dijadikan 'senjata' untuk menarik undi, termasuk dari kalangan penyokong BN sendiri.

Mereka mungkin merasa yakin, orang-orang Umno yang marah akan nyamuk tentu akan bakarkan kelambu. Mereka berharap ramal ahli-ahli Umno sendiri akan menjadi musang berbulu ayam. Tetapi jelas kini, sekiranya mereka menyangka itu akan berlaku, tanda-bacaan politik mereka masih kurang matang, sebab harapan mereka ternyata meleset.

Keutuhan dan kematangan di kalangan ahli dan penyokong Umno bukan sahaja menggagalkan PAS merebut tiga kerusi Parlimen dan lapan kerusi De-

wan Negeri seperti yang diyakini oleh Timbalan Perurusuh JAS negeri, Encik Mohamed Rusdi Arif sendiri, bahkan satu kerusi pun mereka tidak mampu merebut. Semua tujuh dari lapan kerusi Parlimen dan 28 dari 32 kerusi Dewan Undangan Negeri yang diletakkan calon PAS dihapus bersih oleh BN. Hanya kerusi Dewan Undangan Negeri Triang terlepas kepada DAP.

Parti lawan juga, dalam senyap-senyap, 'berdoa' agar Datuk Seri Shariff Ahmad dilecakan sekali lagi untuk bertanding di kerusi Parlimen Jerantut. Kononnya ini akan memudahkan mereka merebut tempat itu.

## Meleset

Tetapi harapan ini juga pun mungkin akan turut meleset kerana walaupun Datuk Seri Shariff dicalonkan, parti pembangkang tidak akan menang; cuma majoritinya mungkin tidak serupa.

Tetapi untuk calon BN kalah, amat payah dibayangkan. Memang diketahu, sejak Umno ditubuhkan kira-kira 30

tahun lalu, telah terbukti para ahli dan penyokong-penyokong Umno merupakan sepasukan anggota yang tidak mudah membelakangkan kehendak puuk pimpinan; apatah lagi untuk mengkhianati parti kesayangannya mereka itu.

Mereka, seperti sebuah keluarga, mungkin bergaduh sekali-sekala, mungkin merungut dan marah sedikit dan dalam keadaan seperti itu, tidak dapat dinafikan, tentu ada sekerat dua menungku perasaan dan protes.

Tetapi pada keseluruhan, mereka merupakan satu tenaga yang tidak mudah digoncang; satu tonggak yang berdiri teguh di samping parti setiap kali menghadapi ujian dan ancaman.

Ada yang mungkin tidak senang dengan beberapa calon mereka sendiri, mungkin sedih dengan beberapa keputusan tetapi apabila menghadapi lawan seperti yang terbukti dalam pilihanraya kali ini, mereka sekali lagi berpadu tenaga dan lantaran itu, berdiri tegaklah mereka sekali lagi sebagai tenaga yang perlu dihormati dan disegani. Syabas!



● KERANA tertarik dengan Kerajaan pimpinan Dr. Mahathir dan Musa para artis kita juga turut berkepinus menyokong calon-calon Barisan Nasional dalam pilihanraya lalu. Kelihatan dari kiri, Maria Arshad, Nancy Foo dan Yuni Jaafar sedang memasang poster di Kuala Lumpur. — Gambar Berita Harian.